

SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya :
 "Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
 Barang siapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang ini".
 (Riwayat Ibnu Majah).

MYCE prihatin kepada isu-isu halal, dalam ataupun luar negeri



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman semasa berucap pada Majlis Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Kali Ke-6 (SAPPHAT VI) dan Ekspo Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban sempena Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2023 pada Isnin, 16 Zulkaedah 1444 Hijrah bersamaan 5 Jun 2023 Masihi bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam.

ALHAMDULILLAH *wasysyukru lillah.* Kita memuji dan mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat serta izin-Nya Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Kali Ke-VI dan Ekspo Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban sempena Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE 2023) dapat berlangsung pagi ini dan kita disempatkan-Nya hadir dalam Majlis Perasmianya di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sukacita saya mulakan dengan mengalu-alukan kehadiran rakan sejawat, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Demikian juga kehadiran Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rakan-rakan kerabat kerja kementerian-kementerian.

Seterusnya kehadiran His Excellency Professor Dr. Hamit Ersoy, Duta Besar Republik Turkiye.

Sahabat-sahabat kalangan akademik dan pembentang-pembentang kertas kerja dari luar dan dalam negeri.

Seterusnya peserta-peserta seminar dan ekspo yang berbahagia.

Dalam kesempatan ini saya ingin mencatatkan penghargaan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana meneruskan acara tahunan negara MYCE - Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun - yang telah diinisiatifkannya sejak tahun 2016.

Acara yang mesra dengan sebutan MYCE ini berjaya menghimpunkan pakar dan

pemain utama untuk membentangkan kajian atau mempamerkan bahan mengenai isu penting dan relevan melibatkan kalangan setempat, serantau bahkan antarabangsa.

Pengisian acara tahunan MYCE adalah dalam tema-tema yang terpilih itu ialah tema Islamik, Teknologi Digital, Tenaga, Tindakan Iklim dan Ekonomi. Iaitu tema-tema yang diyakini menjadi sebahagian faktor untuk mendatangkan kesan positif kepada masa depan ekonomi negara.

Sehubungan dengan pengisian tema Islamik, seperti yang kita maklumi ialah mengenai Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban dengan seminar dan eksponya yang kita hadir majlis perasmianya pagi ini.

Kita ucapkan selamat dan tahniah kepada pengisinya iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang menjadi penganjur utama bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) seminar yang kita hadir majlis perasmianya ini.

Jazakumullah wabarakakum waiyyana fih.

Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban menjadi sorotan adalah sebagai reaksi positif kita kepada perhatian yang diberikan kepada isu-isu halal sama ada dalam negeri ataupun di luar negeri. Ia melibatkan produk makanan dan minuman bahkan barang guna, dan dalam aspek perolehan rezeki pun hendaklah juga dengan cara *halalan thayyiban*.

Oleh yang demikian kita tidak melihat dan menilai isu produk dan perkhidmatan setakat aspek kehalalannya bahkan dilihat bersama dengan aspek *thayyibannya*.

Itulah pendekatan kita dalam tema produk dan perkhidmatan makanan - minuman dan produk barang-barang guna. Pendekatan yang menepati kehendak syarak yang disebut-sebut sekarang sebagai Maqasid Syari'ah.

Dan yang penting sekali difahami bahawa ungkapan kata *halalan thayyiban* itu adalah nas firman Allah Subhanahu Wata'ala. Ia mengandungi maksud yang memerintahkan kita hendaklah mengkonsumsi bahan-bahan halal atau bahan-bahan halal yang tidak dicemari oleh sesuatu yang tidak halal dan diselenggarakan secara mematuhi kriteria yang syarie.

Kedua-dua ayat 168, Surah Al-Baqarah dan ayat 88, Surah Al-Maa'idah adalah jelas menyebut dan bermaksud sedemikian.

Ma'fhumnya : "*Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu*".

Ma'fhumnya : "*Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman*".

Kalimat *halalan thayyiban* itu diterjemah atau ditafsirkan ke bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dengan makna yang halal lagi baik.

Tafsiran atau terjemahan ke bahasa Inggeris membawa makna *lawful and good* (Mohd. Asad, Syakir, Mohsin Khan, dan Yusuf Ali).